

# Pelajar cemerlang sukan diutamakan masuk universiti

UB 28/6/2011 A15

KOTA KINABALU: Cemerlang dalam sukan adalah antara keutamaan yang diambil kira dalam pengambilan pelajar ke Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Timbalan Naib Chanselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) Prof. Madya Dr. Haji Kassim Hj. Md Mansur berkata ia adalah sejajar dengan Dasar Sukan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Dasar Sukan Negara yang mahu 30 peratus atlet negara adalah dari kalangan pelajar IPT.

Menurutnya, palajar dengan kelayakan akademik minima juga akan dipertimbangkan memasuki universiti dengan syarat mereka cemerlang dalam sukan.

"Ini menunjukkan kita serius tentang sukan. Dasar

Sukan IPT mahu melahirkan atlet yang boleh berfikir dan bukan hanya bergantung kepada kekuatan fizikal," katanya ketika ditemui di Bangunan Canselor UMS kelmarin.

Menurutnya, selain diberi keutamaan memasuki universiti, pelajar yang cemerlang dalam sukan juga berpeluang mendapat biasiswa dan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Pelajar universiti yang menang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa juga akan menerima ganjaran lumayan sehingga RM5,000 dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan kerajaan bagi setiap pingat emas yang dimenangi.

"Mesej kita di sini ialah agar ibu bapa atau pelajar jangan

takut menceburি bidang sukan kerana sukan juga menjanjikan masa depan yang cerah," kata Pengarah Pusat Sukan UMS pula, Mohd Asyraaf Fong Abdullah.

Asyraaf berkata UMS juga merancang untuk menjelajah ke sekolah-sekolah negeri ini bagi menyampaikan mesej tersebut dan seterusnya membantu Persatuan Taekwondo Bersatu Sabah (USTA) memajukan sukan taekwondo di negeri ini.

Sambil itu, Dr. Kassim memberitahu bahawa UMS juga sedang dalam proses mendapatkan dua jurulatih taekwondo bertaraf antarabangsa dari Kazakhstan sebagai persiapan menghadapi kejohanan-kejohanan besar termasuk Sukan Universiti Dunia dan Sukan Universiti Asia.